

## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN
TARIKH	:	2/10/2019
JABATAN	:	UMUM
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>

## Kuala Lumpur miliki sungai bersih, cantik tahun depan



Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan mencemar duli melawat River of Life dekat Masjid Jamek Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur baru-baru ini.

**KUALA LUMPUR** - Kuala Lumpur dijangka memiliki sungai bersih dan cantik selepas Projek Sungai Nadi Kehidupan atau lebih dikenali sebagai River of Life (RoL) di Sungai Klang di sini siap sepenuhnya tahun depan.

Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Pembangunan Kementerian Wilayah Persekutuan, Rosidawati Abdul Rashid berkata, sehingga Mei 2019, pembangunan fizikal keseluruhan RoL telah mencapai 88 peratus berbanding jadualnya, 89 peratus.

"Projek diadualkan siap menjelang Disember 2020 telah diagihkan kepada 85 pakej dengan 60 daripadanya telah siap," katanya.

Menurut Rosidawati, hanya Projek Sewerage Treatment Plant (STP) Batu di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) mengalami kelewatan berbanding jadual asal. Ia kini di bawah perhatian ke-

menterian berkenaan untuk langkah-langkah pemuliharaan.

"Terdapat dua komponen utama bagi Projek RoL iaitu Komponen Pembersihan Sungai

Sungai telah mencapai 84 peratus mengikut jadual," katanya. Jelas Rosidawati, projek RoL dilaksanakan bagi mentransformasikan Lembangan Sungai Klang kepada ikon *waterfront* dinamik dan berdaya huni dengan nilai ekonomi tinggi.

"Jadi pelaksanaan RoL adalah untuk memastikan sungai yang mengalami pencemaran kelas tiga, dinaikkan kualiti airnya kepada kelas dua.

"Sementara sasaran Projek RoL adalah mencapai Indeks Kualiti Air 76.5 (Kelas II) pada ketika ini. Indeks Kualiti Air adalah 60.3 (Kelas III) dan ini merupakan satu peningkatan baik di mana Indeks Kualiti Air pada tahun 2010 adalah 54.0 (Kelas III)," katanya.

Katanya, seiring objektif utama projek RoL untuk meningkatkan kualiti air di sepanjang 10.7 kilometer Sungai Klang dan Sungai Gombak menjelang tahun 2020, maka dari aspek pemeliharaan sebanyak 200 tan sampah

sudah berjaya dibuang dengan purata 127 tan setahun dari Disember 2017 hingga Mei 2019 dengan melibatkan anggaran kos RM16.5 juta setahun.

Belau berkata, kerja-kerja pembersihan sungai dilaksanakan di sepanjang 110km di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor melibatkan lapan batang sungai iaitu Sungai Klang, Sungai Gombak, Sungai Batu, Sungai Injang, Sungai Keroh, Sungai Kerayong, Sungai Ampang dan Sungai Bunus.

"Projek ini dilaksanakan melalui 13 inisiatif utama seperti pemasangan perangkap sampah, menaik taraf kolam takungan banjir, menaik taraf loji rawatan pembetungan dan menaik taraf sistem pembetungan," katanya.

Rosidawati berkata, komponen pengindahan sungai pula melibatkan menaik taraf taman awam, fasiliti laluan pejalan kaki dan basikal di pinggir Sungai Klang dan Sungai Gombak sepanjang 10km.